

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	1DANA sedia akses geran R&D	Harian Metro
2.	Najib wants R&D efforts to match demand	The Star
3.	1Dana portal to ensure transparency of grants	The Malay Mail
4.	Portal 1DANA dilancar	Sinar Harian
5.	1DANA	New Straits Times
6.	PM mahu R&D gabung penawaran permintaan	Utusan Malaysia
7.	1Dana for better returns on research	The Sun
8.	MOSTI sasar 360 produk inovasi dikomersialkan	Berita Harian
9.	Kumpul pakar harta intelek	Sinar Harian
10.	PNS, Biotech Corp bangunkan francais BioShoppe	Utusan Malaysia
11.	Amaran ribut petir berterusan sehingga pagi ini	BERNAMA
12.	Warning on more bad weather to come	The Sun
13.	Circular flow showed Pandamaran storm was a mini-tornado	The Star
14.	Lynas selesai langkah pengumpulan modal	BERNAMA
15.	Say 'No' to provocative postings on Internet	The Star

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 19  
TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)

**Putrajaya:** Satu portal khas dikenali IDANA ([www.IDANA.gov.my](http://www.IDANA.gov.my)) diperkenalkan semalam bagi membolehkan rakyat mengakses semua geran dan pembiayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan yang ditawarkan agensi kerajaan serta kementerian.

Portal khas dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu dibangunkan Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) iaitu sebuah jawatankuasa di bawah Agensi Inovasi Malaysia (AIM) selain dipengerusikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin.

Najib dalam ucapannya berkata, portal itu menyediakan maklumat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta bentuk bantuan boleh diberikan kepada syarikat dan pihak berkaitan.

Menurutnya, kerajaan memperuntukkan dana untuk R&D dan RM2.3 bilion disediakan dalam tempoh dua tahun.

## IDANA sedia akses geran R&D



**NAJIB melancarkan IDANA di Putrajaya, semalam.**

“Ia satu jumlah besar, malah mesyuarat urus tadbir AIM hari ini (semalam) turut melihat serta memperincikan segala faktor kejayaan bagi aspek pengkomersialan

supaya setiap projek R&D dapat ditingkatkan.

“Selain itu, rakyat, individu dan syarikat juga dapat mengetahui secara menyeluruh peranan 11 kementerian

dan agensi mengagihkan pinjaman dan geran untuk program inovasi menerusi portal itu,” katanya.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Mu-

yiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ali Hamsa dan beberapa menteri kabinet serta Ketua Pegawai Eksekutif AIM Mark Rozario.

Katanya, kerajaan percaya rakyat menyambut baik kewujudan portal itu, sekali gus melancarkan proses sistem penyampaian yang lebih baik kepada rakyat.

Sementara itu, Mark berkata, platform IDANA akan memastikan ketelusan, mengelak pembaziran dan membolehkan pemantauan berpusat dan penilaian terhadap pelaburan negara dalam R&D dan pengkomersialan.

Katanya, JKPDA sudah membuat penilaian projek R&D dan pengkomersialan berjumlah RM1.23 bilion dan menyokong projek sejumlah RM881 juta.

“Portal itu turut menempatkan maklumat pembiayaan kerajaan, kemudahan R&D dan pakar bidang dan inovasi termasuk peluang komersial yang boleh direbut,” katanya.

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 04  
TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)

**Closer look:**  
Rozario (right) briefing Najib at the launch of the 1DANA portal in Putrajaya. Also present were (from left) Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Mah Siew Keong and Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.



## Najib wants R&D efforts to match demand

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Najib Tun Razak wants research institutions to carry out research and development (R&D) on sectors which are in demand.

"The R&D efforts should be done based on supply and demand factors. If we want to increase the success rate of our R&D, our efforts should match the demand," the Prime Minister said at the launch of the 1DANA portal here yesterday.

1DANA is a centralised one-stop online repository on information on government

funding programmes and R&D facilities.

The portal was developed by the Public Investment Fund Committee, which is under Agensi Inovasi Malaysia (AIM).

It will provide more efficient access to information for research, development and commercialisation (R,D&C) investment.

The committee's task is to ensure R,D&C funding is in line with the country's priority areas and to reduce duplication of projects and programmes.

AIM chief executive officer Mark Rozario

said the committee had evaluated RM1.23bil worth of R,D&C projects this year and dished out RM881mil to support them.

He said 35 projects worth RM349mil had similar elements among the ministries and its agencies and were therefore recommended for inter-ministerial collaboration.



**iSnap me** for a video on the portal launch

**Get The Star Mobile App now!**

# 1Dana portal to ensure transparency of grants



Najib with Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Minister in the Prime Minister's Department Datuk Mah Siew Keong at the launch of the 1Dana portal at the Perdana Putra building yesterday. On the right are Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin and Rozario. — Picture by Azinuddin Ghazali

PUTRAJAYA — In an effort to increase transparency, the public themselves will be able to monitor grants provided by the government through the launch of the 1Dana portal.

The portal, launched yesterday by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, is also designed to have better monitoring and reduction in grant duplications.

Najib said it would also allow both the government and public to obtain the necessary information on research and development projects being carried out.

"Previously, it was difficult for people to have access to information about government grants but with this portal, it will be easier for them to get the

**By Vanessa Ee-Lyn Gomes  
and Shafina Sukiman**  
mmnews@mmail.com.my

information they need," he said.

He also said the government had allocated RM 2.3 billion over two years.

"At a discussion earlier with Agensi Inovasi Malaysia (AIM), we said we would ensure we fully utilise all that has been allocated so there is a success factor in research and development projects."

Najib said it was also important to combine the services available as well as supply for research and development so

that the success factor could be increased.

Eleven ministries and agencies will be involved, where they would be providing aid in the form of loans and grants for the purpose of innovation.

"On the part of the ministries, the portal will also act as a monitoring system. Both sides, the ministry and the people, will be able to get a fuller and clearer picture of the programmes in place."

AIM chief executive officer Mark Rozario said with the 1Dana portal, companies could easily find information they need for their products or businesses.

"As researchers who receive the grants will be listed along with their topics, it

helps companies and other researchers to find experts in specific fields," Rozario said.

He said the research grants would be focused on the 12 national key result areas that will be distributed by the 11 ministries and 37 agencies under them.

"The portal will allow us to streamline the landscape, which will reduce grant duplication where the same people get the same grants by applying to different agencies or ministries."

Rozario also said the success factor was how well research and development brought commercialisation adding the portal would bring the two aspects together efficiently in the future.

# Portal 1DANA dilancar



Najib (tengah) bersama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (dua, kiri) melancarkan portal 1DANA di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

## ■ HASLINA KAMALUDIN

**PUTRAJAYA** - Kerajaan memperkenalkan portal 1DANA untuk membolehkan orang ramai dan syarikat mendapat maklumat mengenai bantuan kewangan kerajaan bagi aktiviti penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersilan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang melancarkan portal itu semalam berkata, portal tersebut menempatkan maklumat mengenai program pembiayaan kerajaan, kemudahan pembangunan dan pengkomersilan serta pakar bidang dan inovasi dengan menyediakan peluang-peluang komersil.

"Portal ini akan memaparkan semua projek daripada peringkat awal hingga mencapai kejayaan.

"Sesiapa sahaja boleh melihat setiap gerak kerja daripada awal hingga akhir berasaskan dana yang diberikan," katanya ketika merasmikan pelancaran portal 1DANA di sini, semalam.

Beliau berkata, 11 kementerian bekerjasama dalam mengagihkannya bantuan dana komersil itu.

"Menerusi portal ini, akan dapat diperlihatkan gambaran yang lebih menyeluruh seperti syarat dan program," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mah Siew Keong

berkata, portal ini akan dilihat lebih bersifat telus apabila semua projek yang mendapat dana dipaparkan kepada umum.

"Kerajaan bersikap adil kepada semua, jadi rakyat boleh mengakses portal ini untuk mengetahui status sesuatu projek.

"Kita harap dengan pelancaran portal ini, tidak lagi wujud tuduhan kerana semua bersikap telus dan terbuka," katanya.

Portal 1DANA dibangunkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam di bawah Agensi Inovasi Malaysia. Ia memastikan pembiayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan sejajar dengan bidang utama negara dan kurangkan pertindihan projek dan program.

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (BUSINESS TIMES) : MUKA SURAT B1**  
**TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**



*Prime Minister Datuk Seri Najib Razak launching the 1DANA Portal at the Prime Minister's Office Complex, here, yesterday. With him are (from left) Minister in the Prime Minister's Department Datuk Mah Siew Keong, Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, Agensi Inovasi Malaysia chief executive officer Mark Rozario and Science, Technology and Innovation Minister Dr Ewon Ebin. Pic by Fariz Iswadi Ismail.*

**Report on B2**

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 03**  
**TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

## PM mahu R&D gabung penawaran permintaan

**PUTRAJAYA 23 Okt.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan di negara ini menggabungkan aspek penawaran serta permintaan.

Beliau berkata, langkah itu wajar supaya faktor kejayaan terhadap bidang pengkomersialan iaitu lanjutan daripada proses R&D sehingga terhasilnya satu-satu inovasi dapat dipertingkatkan kepada tahap lebih tinggi.

Pada masa sama, beliau turut menyatakan komitmen tinggi kerajaan terhadap bidang R&D dengan memperuntukkan sejumlah yang besar bagi tujuan tersebut iaitu sebanyak RM2.3 bilion dalam tempoh dua tahun.

"Peruntukan yang kita sediakan untuk pelbagai institusi penyelidikan negara ini seharusnya dapat memperlihatkan usaha-usaha R&D yang ada kaitan dengan permintaan dan perlu ada penggabungan antara penawaran dan permintaan.

"Apa yang kita pertimbangkan tidak seharusnya kita lihat pada aspek penawaran sahaja tetapi hendaklah juga kita cuba gabungkan dengan permintaan supaya faktor kejayaan itu dapat kita tingkatkan kepada tahap lebih tinggi lagi," katanya ketika berucap melancarkan portal 1DANA di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Mark Rozario.

Portal 1DANA merupakan satu pusat setempat penyimpanan atas



**Peruntukan yang kita sediakan untuk pelbagai institusi penyelidikan negara ini seharusnya dapat memperlihatkan usaha-usaha R&D yang ada kaitan dengan permintaan dan perlu ada penggabungan antara penawaran dan permintaan."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

talian yang berkaitan dengan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara ahli akademik, penyelidik, industri, pelabur, usahawan, agensi kerajaan serta awam dengan diuruskan oleh AIM.

Menyentuh mengenai portal 1DANA, Perdana Menteri berkata, melaluinya pihak-pihak berkaitan akan dapat gambaran lebih menyeluruh mengenai pelbagai perkara termasuk bantuan serta kemudahan pinjaman berkaitan dengan R&D serta usaha-usaha pengkomersialan.

Katanya, dengan adanya portal itu juga orang ramai boleh mengetahui apa jua agensi atau kementerian yang terlibat dengan usaha-usaha R&D serta pengkomersialan.

"Saya berharap portal ini disambut baik dan maklum balas daripada rakyat, kita akan ambil kira untuk lakukan penambahbaikan selanjutnya," ujarnya.

## 1Dana for better returns on research

**PUTRAJAYA:** Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak yesterday launched the iDana Portal, a platform to improve returns on research, development and commercialisation (RDC).

The portal, developed by the Public Funding Investment Committee (JKPDA), is tasked with ensuring that the RDC funding is aligned to the country's priority areas and to reduce duplication of projects.

JKPDA is a committee under the Malaysia Innovation Agency (AIM), chaired by the Science, Technology and Innovation minister.

The iDana portal will also ensure transparency, avoid wastage and enable centralised monitoring and evaluation of the country's investment in research, development and commercialisation.

Najib said the portal will enable the public to see information on which companies or parties are given funds by the government to do innovation in RDC.

"The government has allocated a large sum for reasearch and development, some RM2.3billion in the period of two years," he said.

Najib said this at the official launch of iDana Portal at Perdana Putra here.

He said the government will scrutinise all of the fund allocated for RDC to ensure there is "success factor" to commercialise it.

AIM chief executive officer Mark Rozario said the JKPDA has evaluated RM1.23 billion worth of RDC projects and allocated RM881 million this year.



# MOSTI sasar 360 produk inovasi dikomersialkan

**Putrajaya:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa memainkan peranan dalam membangunkan dan mengkomersialkan produk inovasi berimpak tinggi dengan menyasarkan 360 produk inovasi dikomersialkan dalam tempoh lima tahun.

Sehubungan itu, pada 31 Oktober 2014 sehingga 2 November 2014, MOSTI akan mengadakan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) 2014 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Program NICE2014 itu merangkumi persidangan, 150 hingga 200 pameran (Booth), sesi padanan perniagaan dan Anugerah Inovasi Negara.

Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, berkata program berkenaan menyasarkan penyertaan daripada pelbagai sektor antaranya sektor industri, sektor awam, penerima-penerima dana MOSTI, penyelidik dan pelajar Institut Pendidikan Tinggi.

Beliau berkata, malam Anugerah Inovasi Negara yang akan di-

adakan pada 1 November itu akan membariskan 40 finalis bagi empat kategori yang mana setiap kategori mempunyai 10 finalis. Secara keseluruhan, seramai empat pemenang utama akan diraikan.

Majlis turut akan mengumumkan pemenang bagi Anugerah Saintis Muda dan Anugerah Juru teknologi.

Sementara itu, untuk pameran pula, Noorul Ainur berkata, 40 finalis tadi turut menyertai pameran dengan mempamerkan produk keluaran mereka. Turut menyertai pameran ialah industri dan syarikat yang terbabit dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan selebihnya adalah yang diundang MOSTI sebagai pempamer pada tiga hari berkenaan.

## 60 produk dikomersialkan

"Bagi tahun pengkomersialan MOSTI (MCY2014), menyasarkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D MOSTI dikomersialkan dalam tahun 2014 selain menyediakan satu landasan pengkomersialan teknologi (TCP) yang kom-



“**Objektif utama MCY2014 ini adalah memastikan semua teknologi dan produk berpotensi tinggi digilap dan dikomersialkan secara besar-besaran**”

**Dr Noorul Ainur Mohd Nur,**  
Ketua Setiausaha MOSTI

prehensif dan meningkatkan kemampuan dan keupayaan usahawan tekno melalui akademi, teknologi, teknikal, generik dan keusahawanan.

## Dikomersial besar-besaran

"Objektif utama MCY2014 ini adalah untuk memastikan semua teknologi dan produk berpotensi tinggi boleh digilap dan dikomersialkan secara besar-besaran. MOSTI akan membantu dalam menemukan teknoprenur dengan pihak seperti venture capitals, industri dan pelabur dalam membawa teknologi dan pro-

## INFO

### Anugerah Inovasi Negara

- Anugerah Inovasi
- ⊗ Produk (RM50,000)
- ⊗ Perkhidmatan (RM50,000)
- ⊗ Akar umbi (RM20,000)
- ⊗ Sekolah (RM10,000)

### Anugerah Saintis Muda

- ⊗ (RM20,000)

### Anugerah Juruteknologi

- ⊗ (RM10,000)

### Anugerah Berprestij MIMOS

- ⊗ Perkomersialan (RM5,000)
- ⊗ Harta Intelek (RM5,000)
- ⊗ Universiti (RM5,000)

duk ke pasaran yang lebih luas sama ada dalam dan luar negara," katanya.

Justeru, beliau berkata, acara kemuncak kepada MCY2014 adalah NICE2014 yang berperanan menentengahkan produk baharu serta keupayaan produk penyelidikan kepada umum. Sekiranya anda seorang yang mementingkan sains, teknologi, dan inovasi dan mencari peluang serta produk baharu, maka pameran ini seharusnya tidak dibiarkan berlalu begitu sahaja. Hadirkan diri anda ke PWTC pada 31 Oktober 2014 sehingga 2 November 2014.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

## Kumpul pakar harta intelek

KUALA Lumpur bakal menjadi tuan rumah dengan mengumpulkan pakar-pakar harta intelek (IP) dari negara ini, United Kingdom dan India sempena program 'IP Makes Sense' yang diadakan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), 6 November ini.

Ketua Pengarah MyIPO, Shamsiah Kamaruddin berkata, majlis itu bertujuan untuk memberi manfaat kepada rakyat Malaysia mengetahui lebih mendalam tentang keperluan IP.

"IP merupakan satu perniagaan yang besar dan rakyat Malaysia mula menyedarinya seiring dengan Tahun Pengkomersialan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) 2014.

"Tema tahun ini akan fokus kepada pengkomersialan IP yang menunjukkan, IP bukan sekadar aktiviti pemfailan semata-mata. Malah, kami juga gembira kerana rakyat di negara ini semakin menyedari ke-

pentingan IP,' katanya dalam kenyataan, semalam.

Program anjuran Adastra Intellectual Property itu dijangka akan dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamed Diah.

Antara penceramah terlibat termasuklah Alan MacDougall dan Chris Hamer, rakan kongsi bagi firma IP Mathys & Squire yang akan menyentuh perkembangan isu penting dalam IP iaitu aplikasi perisian dan bioteknologi, manakala, pakar IP

dan Ketua Pegawai Eksekutif Vision-IPR, Prof Prabuddha Ganguli pula akan membincangkan mengenai penjana wang ke atas hak milik IP.

Sementara itu, Ketua Firma Adastra Intellectual Property, K Mohan berkata, syarikat-syarikat yang memiliki portfolio IP yang kukuh dalam bidang berkaitan terikat dengan penilaian stratosfera.



# PNS, Biotech Corp bangunkan francais BioShoppe

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 23 Okt.** - Perbadanan Nasional Bhd. (PNS) akan bekerjasama dengan **Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Biotech Corp)** untuk membangunkan rangkaian francais berjenama BioShoppe, bagi menjual produk-produk penjagaan kesihatan berkaitan teknologi.

Pengarah Urusan PNS, Datuk Syed Kamarulzaman Syed Zainol Khodki Shahabudin berkata, usaha tersebut yang telah bermula, bakal menyediakan platform kepada syarikat-syarikat yang mempunyai status BioNexus di bawah Biotech Corp untuk memasarkan produk-produk mereka kepada pasaran umum.

Katanya, PNS akan memberi khidmat nasihat dari segi idea menjalankan perniagaan secara francais, selain latihan francais dan skim pembiayaan kepada bakal-bakal pengurus dan bakal francais BioShoppe turut disediakan.

"Buat permulaan, BioShoppe ini mungkin dilaksanakan dengan menempatkan jenama itu di dalam kedai-kedai farmasi sedia ada. Jika semakin banyak produk keluaran

BioNexus ini, kita mungkin boleh membuka kedai berjenama sendiri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Status BioNexus diberikan kepada syarikat bioteknologi tempatan serta asing berkeelayakan yang mendapat sokongan daripada Biotech Corp dalam pelbagai aspek.

Mengikut laman web Biotech Corp, sejak 2005 mereka telah membantu membangunkan 225 syarikat berstatus BioNexus dengan nilai pelaburan berjumlah RM3.2 bilion.

Kata Syed Kamarulzaman, kerjasama antara PNS dan Biotech Corp telah dimeterai semasa persidangan Bio-International Advisory Panel (BIO-IAP) 2014 yang berlangsung pada 22 hingga 24 September lalu di New York, Amerika Syarikat dengan pertukaran dokumen antara kedua-dua pihak telah disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kerjasama itu akan membuka lebih banyak peluang kepada usahawan untuk terlibat di dalam industri francais. Malah, prospek perniagaan berkaitan produk-produk bioteknologi khususnya kesihatan menawarkan prospek perniagaan yang baik," katanya.



**Buat permulaan, BioShoppe ini mungkin dilaksanakan dengan menempatkan jenama itu di dalam kedai-kedai farmasi sedia ada."**

**SYED KAMARULZAMAN SYED ZAINOL KHODKI SHAHABUDIN**  
Pengarah Urusan PNS

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 24 OKTOBER 2014 (JUMAAT)



## Amaran Ribut Petir Berterusan Sehingga Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Miri, Sarawak dan Reef South yang dijangka berterusan sehingga pagi Khamis.

Menurut kenyataan jabatan itu, ribut petir itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter.

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

# Warning on more bad weather to come

> Inter-monsoon storms expected until second week of November

BY ANNIE FREEDA CRUEZ  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** The Malaysian Meteorological Department (MMD) has warned the public, especially those in the west coast of Peninsular Malaysia, to brace for the inter-monsoon season.

This condition, which has taken on a cyclonic pattern with thunderstorms and strong winds in the afternoon, is already causing havoc such as uprooting

trees, landslides, flash floods and causing damage to property and vehicles.

MMD director-general Datuk Che Gayah Ismail told *theSun* that the inter-monsoon phenomenon is expected to last until the first or second week of November.

"Malaysians must also be prepared for hailstorms," said Che Gayah.

She said when people see dark clouds forming, they should avoid open space activities and not take shelter under trees. Instead, they should be inside a building where they would be much safer.

Road users and people living in low-

lying areas should be prepared for flash floods due to the heavy rain, she added.

Those going out to sea have also been warned of strong winds and choppy seas, with waves as high as 3.5m, which poses a danger to small boats.

After the inter-monsoon season, the north-east monsoon, which usually commences in early November and ends in March, is expected to arrive. During this season, steady easterly or northeasterly winds of 10 to 20 knots can be expected. The winds over the east coast states of Peninsular Malaysia may reach 30 knots or more during periods of strong surges of cold air from the north.

## Circular flow showed Pandamaran storm was a mini-tornado

THE Malaysian Meteorological Department (MMD) has stated that the damages in Pandamaran on Oct 21 was due to strong winds from thunderstorms, while online video postings showed otherwise.

The "downdraft" from a thunderstorm always blows in one direction at a particular place, i.e. if the strong winds (from such downdraft) came from the north, then debris will be blown directly south. However, online video of the wind damage gave a different picture.

The ubiquitous handphones that videoed the damages to Pandamaran in Klang during the thunderstorm as well as the small tornado in Pendang (Kedah) provide undisputed proof that tornadoes do occur in Malaysia.

In the case of Pandamaran, the video showed the roof of an apartment being "sucked up" and torn away.

This occurred because of the significant "atmospheric pressure difference" between the atmosphere over the roof and surrounding areas, and a tornado has such a feature of pressure difference.

Furthermore, the "circular flow pattern" of large debris showed the strong winds were rotating.

Both observations showed a tornado occurred over the Pandamaran area, even though it was a small tornado of few hundred feet in diameter.

Few online videos have shown that Malaysian tornadoes are significantly smaller than those "killer" tornadoes in the United States, and it is impossible to predict or observe from the "rain radar" of the MMD.

People should stay away from glass windows when they see tornadoes in close proximity, as the glass will break and broken pieces will become sharp projectiles.

**ALBERT**  
Kuala Lumpur



## Lynas Selesai Langkah Pengumpulan Modal

Oleh Neville D'Cruz

MELBOURNE, 23 Okt (Bernama) -- Hanya satu pertiga daripada saham baharu yang ditawarkan oleh pelombong nadir bumi, Lynas Corporation Ltd dalam usaha mengumpul A\$71 juta dilanggan oleh pemegang sahamnya.

Sebanyak 66.5 peratus daripada saham yang tidak dibeli oleh pemegang saham akan dilanggan oleh beberapa sub penaja jamin institusi bagi pengumpulan modal, menurut Lynas dalam kenyataan.

Syarikat itu mengalami kerugian A\$366 juta pada 2013/14 dan baru-baru ini berunding semula bagi pinjaman US\$255 juta untuk membolehkan pembayaran balik yang besar sehingga 2016.

Lynas melombong nadir bumi, yang digunakan dalam pelbagai produk teknologi tinggi, di barat Australia, dan memiliki sebuah kilang penapis dekat Kuantan, Pahang di Malaysia.

Syarikat itu menghadapi kejatuhan harga bagi produknya, dan berkata dana baharu akan membolehkannya melabur dalam bidang perniagaannya yang akan meningkatkan prestasinya.

-- BERNAMA

## Say 'No' to provocative postings on Internet

THE Internet has been a major development in our country. It has become a vital part in our daily life.

Malaysia has a large number of active Internet users aged between 15 and 24.

The history of commercial Internet in Malaysia began in 1990 when the Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS, now MIMOS Bhd) launched Jaring (Joint Advanced Integrated Networking), the first Malaysian Internet service provider. However, it was only from 1992, with the installation of a satellite link between Malaysia and the United States, that Malaysian users gained easy access to the global Internet.

Unfortunately, Internet users nowadays have been reported to be negligent and do not obey the rules

and regulations while on the Net. They tend to use profanity and post statements that can be culturally inappropriate.

I believe that before we post something on social networking sites, we must consider the effects of that particular statement. The statement may hurt others and it may cause cultural tension.

As the Internet is accessible to all people from all walks of life, the insulting statement can eventually lead to public outrage. Public outrage can jeopardise our country's peace and unity among the different races.

Other than that, as provocative postings can provoke an angry response or argument, the person who writes the statements may end up being interrogated by the

authorities. The body which is responsible to monitor Internet use is the Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC) and it has the authority to apprehend anyone who abuses the use of the Net.

Hence, if you end up guilty as charged, you may be fined or even imprisoned. It will be a disgrace to you and your family. A mere provocative posting and you may end up in jail. Therefore, think twice before you post any statement on the Net.

Lastly, you should learn to obey the guidelines and appreciate the privilege of using the Internet. It may seem like a small matter but it is not. By following the rules and regulations, you can avoid posting provocative postings.

The Internet is a vast medium of communication and it is global. Thus, you must limit your postings and read them thoroughly before you post them.

Since we will continue to use the Internet regularly, we should be more responsible towards the culture of others.

As Malaysians, we must portray our cultural identity.

The Internet works as the technological imperative for inter-cultural competence.

Hence, we have to use facts and discretion when posting messages and articles in order to avoid giving a bad reflection of our country and culture.

**DIANDRA JANICE**  
Shah Alam